



## PERANTI, SUKAN DAN CINTA YANG MANAKAH MENJADI PILIHAN?

**P**ersoalan jati diri menjadi popular apabila berlakunya perubahan dalam masyarakat. Setelah COVID-19 menjarah dunia, kebiasaan baharu diperkenalkan sebagai budaya yang lebih praktis dengan suasana endemik. Sesuatu yang menarik untuk disemak ialah perubahan watak generasi muda dalam novel yang diterbitkan antara tahun 2020 hingga kini. Mesej ketinggian jati diri menjadi tanda bahawa para penulis serius mengimbangi fenomena baik dan buruk kepada golongan remaja khususnya. Dalam tulisan bertajuk “Bahasa Melayu di Persimpangan:

antara Jati Diri dengan Rempuhan Globalisasi” (2009), Abdullah Hassan menyatakan bahawa jati diri dapat difahami dengan sifat dan amalan yang dikongsi antara individu sehingga menjadi jati diri kepada bangsanya serta dapat dibezakan daripada bangsa lain, misalnya bahasa, adat resam dan agama. Dalam konteks Malaysia, orang Melayu memiliki jati diri seperti berbahasa Melayu, beragama Islam dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Apakah jati diri golongan muda tidak tergunag ketika budaya baharu muncul tidak kira di kota mahupun di desa?



### Peranti dan Generasi Muda

Salina Ibrahim dalam novelnya, *Maya Kesuma* (2021) menunjukkan bahawa kehadiran peranti dalam kehidupan manusia sedikit sebanyak memberikan impak negatif terhadap hubungan kekeluargaan. Situasi tersebut berlaku kepada Maya dan abangnya, Ammar. Akibat terlalu obses dengan permainan dalam talian menggunakan peranti, Maya menjadi pemaarah dan dingin dengan abangnya.

Dalam mendepani media baharu, jati diri kanak-kanak amat terancam. Mereka tidak dapat mempertimbangkan pengaruh baik dan buruk dengan sempurna. Misalnya, Maya juga menyorokkan pengecas komputer riba abangnya kerana tidak berpuas hati terhadap teguran abangnya. Akibatnya, abangnya Ammar, 11 tahun terlepas memasuki pentandingan membuat video pendek. Pengarang menghadirkan watak dewasa sebagai pengingat kepada golongan kanak-kanak. Emak Maya seorang yang tegas dan tidak membiarkan anak-anaknya leka. Maya dan abangnya boleh menonton dan bermain peranti pada masa yang sesuai. Ketegasan ini menjadikan Maya kembali sedar tentang peranannya sebagai anak dan pelajar.

Novel ini turut menyentuh realiti kini yang mengenali flora dan fauna menerusi televisyen dan video berbanding dengan turun ke lapangan. Akibatnya, mereka tidak peka akan alam sekeliling yang indah. Contohnya, dalam pengembaraannya dengan Kesuma, Maya pertama kali dapat melihat haiwan memerang yang sebelumnya hanya ditonton di televisyen, menjadikan Maya kagum dan melupakan peranti. Reaksi Maya dirakam oleh pengarang seperti petikan yang berikut.

Maya dalam takut-takut mendekati juga. Dia tergamam sebentar. Ini kali pertama dia melihat rupa memerang. Haiwan kecil berwarna hitam berkilat kebasah-basahan, bentuknya bulat memanjang, dengan empat kaki yang pendek. Tetapi memerang punya wajah yang comel juga! Matanya jernih berair. Misainya panjang seperti kucing. Giginya halus.

(*Maya Kesuma*, 2021:56)

Isu yang sama diangkat dalam novel *Budak Bandar* (2021), karya Saindah Kanalam. Kemunculan aplikasi teknologi memberikan impak dalam kehidupan Mizi. Oleh sebab minat yang mendalam terhadap teknologi dron dan telefon bimbit, ibu bapanya menghantar Mizi ke kawasan luar bandar agar Mizi lebih fokus terhadap pelajaran. Tindakan ibu bapanya menjadikan Mizi jauh hati dan bersedih. Bahkan, Mizi juga membandingkan dirinya dengan adiknya, Afiq yang dirasakan lebih bertuah daripadanya.

Mizi sering berasa tidak dilayan dengan adil dan sepatutnya. Sikap abangnya yang tegas, dan sifat uminya yang suka mendesak, membuatkan Mizi tertekan. Dia berasakan pasangan orang tuanya itu berat sebelah terhadap dia berbanding dengan adiknya, Afiq. Apabila terkenang akan adiknya, Afiq, perasaan kurang senang kembali berlegar di hati Mizi.

(*Budak Bandar*, 2021:19)

Dalam hal ini, ibu bapa Mizi melihat peranti sebagai ancaman kepada jati diri anak mereka. Antara perubahan negatif yang disedari oleh Encik Rahman pada diri anaknya ialah sikapnya yang suka menyendiri, tidak bersosial dan kurang bertanggungjawab terhadap keluarga kerana mementingkan peranti. Petikan yang berikut memperlihatkan sikap Mizi yang disedari oleh Encik Rahman.

Kadangkala dia berasa, bercakap dengan Mizi tidak ubah seperti berkomunikasi dengan orang pekak, bisu dan buta.

(Budak Bandar, 2021:27)

Golongan remaja dan awal remaja kini mengalami perubahan drastik dalam berkomunikasi. Mereka berhubung dengan para pengguna Internet melalui jarak jauh, secara tidak langsung perbuatan tersebut akan merenggangkan hubungan yang rapat antara keluarga dengan persekitaran. Bahkan, enjin carian seperti Google dan media sosial YouTube menjadikan penggunaanya tidak bergantung kepada orang lain dalam urusan harian. Misalnya, hasil



pembacaan Mizi terhadap kecanggihan peranti, dia merasakan betapa pentingnya memiliki teknologi “Fly Robot” untuk tujuan keselamatan. Namun demikian, ayahnya melihat teknologi tersebut sebagai sesuatu yang mengancam fokus anaknya terhadap pelajaran dan kehidupan peribadi. Petikan berikut menunjukkan balasan Encik Rahman apabila anaknya meminta keizinan memiliki “Fly Robot”.

“Tapi abah tak nampak pula faedahnya selain hanya digunakan untuk mengintai kawasan taman perumahan, mengintai anjing dan kucing jiran.”

(Budak Bandar, 2021:31)

Walaupun terdapat banyak kesan negatif dalam penggunaan peranti, namun penulis mengambil pendekatan yang bijaksana dengan mengemukakan pelbagai solusi yang

relevan. Misalnya, selepas berlakunya insiden kehilangan anak keduanya, Encik Rahman membeli anak-anaknya dua beg pintar yang mempunyai ciri keselamatan, tahan haba dan stiker pintar yang bersifat antikecurian. Sikap ini menunjukkan bahawa Encik Rahman tidak menolak teknologi sekiranya memberikan manfaat kepadanya dan keluarga. Seterusnya, novel tersebut juga berakhir dengan cara memenangkan teknologi apabila dron yang dimiliki oleh Mizi telah menyelamatkannya daripada tersesat di hutan tebal.

### Agama Asas Utama Jati Diri

Islam ialah agama yang mementingkan nilai-nilai mulia. Apabila Islam menjadi pegangan masyarakat Melayu seawal abad ke-10 Masihi, Islam mengangkat martabat tamadun Melayu hingga kini. Para penulis Islam daripada setiap generasi melestarikan nilai-nilai mulia menerusi karya sastera.

Nilai-nilai mulia merupakan aset bagi setiap generasi walau apa-apa pun perubahan global berlaku di sekeliling mereka. Jati diri yang dibentuk dengan agama mengakibatkan sesuatu bangsa kukuh bertamadun. Di Malaysia, agama Islam merupakan agama persekutuan dan agama lain boleh diamalkan secara harmoni. Kepentingan beragama dapat dilihat menerusi prinsip pertama dalam Rukun Negara, iaitu kepercayaan kepada Tuhan. Dalam kebanyakan novel remaja dan kanak-kanak, jati diri yang berasaskan agama menjadi mesej utama yang dikemukakan para pengarang.

Novel *Setangkas Rusa Sambar* (2022), karya Zainab Nawab Khan

mengangkat semangat kesukanan dalam kalangan remaja perempuan. Erniza yang berusia 12 tahun diibaratkan seperti anak rusa yang lincah dalam setiap tindakannya. Dia seorang pelajar yang cemerlang dalam pelajaran dan memiliki semangat kesukanan yang tinggi sehingga dilantik menjadi ketua pasukan bola jaring di sekolahnya. Dalam keluarganya, Erniza merupakan anak sulung daripada tiga adik perempuan. Kebijakan dan kematangan Erniza menjadi contoh kepada adik-adiknya. Sebenarnya, kekuatan semangat Erniza berpunca daripada keyakinannya terhadap agama. Teladan mulia ini ditunjukkan oleh ibu bapanya dan guru-gurunya yang menjadikan Erniza seorang remaja yang kukuh akan jati diri.

Penulis memposisikan watak Erniza sebagai watak remaja yang menjaga sembahyang, iaitu suatu bentuk perhubungan yang penting dengan Allah SWT. Melalui



Walaupun tema yang dikemukakan oleh pengarang menerusi karyanya amat variasi dan selari dengan keadaan semasa seperti tema teknologi, pendidikan jasmani dan kasih sayang, namun watak yang ditampilkan dengan jati diri dapat memberikan iktibar kepada masyarakat, khususnya para remaja. Hal ini menunjukkan bahawa karya kesusasteraan antara wadah penting untuk membentuk jati diri masyarakat pada setiap zaman.

sembahyang, diri Erniza berasa tenang dan yakin berhadapan dengan cabaran. Yang berikut ialah petikan yang terdapat dalam novel tersebut.

Ruang solat perempuan masih kosong. Cuma yang ada dia dan rakan-rakannya. Dengan penuh khusyuk mereka solat dengan berimamkan Ustaz Shafie. Selesai solat, Erniza menadah tangan berdoa, “Ya Allah, permudahkan urusan pasukan kami.”

(Setangkas Rusa Sambar, 2022:64)

Menerusi watak remaja, penulis sebenarnya mengajak para pembacanya untuk memperkukuh kepercayaan kepada Tuhan. Bahkan, keyakinan ini akan memberikan kemenangan besar dalam hidup mereka. Misalnya, ketika Erniza mencari pemain gantian untuk pasukan bola jaringnya, dia menggunakan cara yang berhikmah, iaitu bercakap secara telus dan tidak memaksa. Selain itu, dia juga berdoa dan berharap akan pertolongan daripada Yang Maha Esa untuk kemenangan pasukannya. Setelah mengalami pelbagai rintangan, Erniza dan rakan pasukannya berjaya mengalahkan pasukan lawan. Kemenangan tersebut tidak menjadikan Erniza berasa sombong, sebaliknya dia berasa insaf dan bersyukur kepada Tuhan yang telah memakbulkan doanya.

Jati diri berteraskan agama turut disentuh dalam novel *Awan Oh Awan* (2020), karya Wan Noor Wan Chik. Menerusi watak Azim, para pembaca belajar perihal agama yang diibaratkan seperti pohon tempat berteduh. Azim diajarkan oleh datuk dan neneknya untuk bersembahyang, membaca al-Quran dan menjaga kelakuan. Kesan mentaati agama, Azim bijak mengawal emosinya. Misalnya, sewaktu opahnya meninggal dunia, Azim dapat mengawal kesedihannya dengan membaca zikir dan al-Quran. Azim tidak meraung walaupun dia amat sedih akan kematian opah.

Novel *Iqbal Membina Jaya* (2015), karya Radzema Bolhassan mengangkat sifat berdikari Iqbal walaupun beliau bukan anak sulung, namun watak Iqbal memperlihatkan kematangannya. Misalnya, Iqbal bijak mengawal emosinya dalam menghadapi kerendah ahli keluarganya yang mempunyai masalah peribadi masing-masing. Sewaktu ibu bapanya mengalami masalah kewangan, Iqbal mengumpul duit dengan cara menjual tin aluminium. Berkat kesabaran dan kesungguhannya, Iqbal telah membantu abangnya membayar yuran yang tertunggak.

Iqbal digambarkan seorang yang mempunyai jati diri yang tinggi dan tidak mudah tercabar. Walaupun sering diejek oleh abangnya, Iqbal tetap bersabar dan tidak membalas dendam. Namun demikian, Iqbal tidak dapat lari daripada melakukan kesalahan. Secara tidak langsung, perbuatan Iqbal dapat diteladani oleh pembaca yang lain, iaitu sifat berani mengakui kesalahan dan meminta maaf.

Novel *Qisya dan Durian* (2021), karya Fadhilah Ahmad amat menarik. Buah durian merupakan buah utama di Malaysia dan menjadi kegemaran nombor satu rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, pengarang menghadirkan watak Qisha yang tidak suka akan buah durian akibat beberapa insiden. Perasaan itu timbul selepas Qisha bertemu dengan Hariz, remaja bertongkat yang gemar akan durian.

Walaupun tema yang dikemukakan oleh pengarang menerusi karyanya amat variasi dan selari dengan keadaan semasa seperti tema teknologi, pendidikan jasmani dan kasih sayang, namun watak yang ditampilkan dengan jati diri dapat memberikan iktibar kepada masyarakat, khususnya para remaja. Hal ini menunjukkan bahawa karya kesusasteraan antara wadah penting untuk membentuk jati diri masyarakat pada setiap zaman. 